



SIARAN AKHBAR

EMBARGO SEHINGGA 28 FEBRUARI 2014, 10.00 PAGI

MALAYSIA: PRESTASI PELABURAN 2013

Sorotan:

- Malaysia mencatat satu rekod baharu bagi pelaburan langsung asing yang diluluskan pada tahun 2013 bernilai RM216.5 billion.
- Pelaburan langsung asing dan tempatan terus meningkat.
- Pelaburan berkualiti dalam projek-projek yang disasarkan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEAs) telah menarik jumlah pelaburan yang memberangsangkan sebanyak RM89.9 billion pada tahun berkenaan.
- Projek-projek yang diluluskan akan mewujudkan kira-kira 192,000 pekerjaan baharu dengan peluang-peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi untuk rakyat Malaysia.

Malaysia sekali lagi mencatat satu rekod baharu bagi pelaburan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama pada tahun 2013 dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM216.5 billion, satu pencapaian yang memberangsangkan meskipun dalam persekitaran luaran yang mencabar. Pada tahun 2012, negara ini menarik sejumlah RM167.8 billion dalam pelaburan langsung, yang merupakan jumlah tertinggi yang pernah direkodkan.

Pelaburan yang diluluskan adalah dalam 5,669 projek yang terdiri daripada 14 projek mega bernilai lebih daripada RM1 billion setiap satu dan 82 projek-projek besar bernilai lebih daripada RM100 juta setiap satu. Majoriti projek-projek ini adalah dalam industri-industri bernilai tinggi dan berpertumbuhan tinggi.

Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada pelaburan yang diluluskan, berjumlah RM144.7 bilion atau 66.8%, diikuti oleh sektor perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM52.1 bilion (24.1%) dan sektor utama dengan pelaburan bernilai RM19.7 bilion (9.1%). Kesemua sektor ini menunjukkan peningkatan dalam prestasi pelaburan.

Lebih 72.5% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan (RM157 bilion) disumbangkan oleh sumber-sumber domestik (DDI) dan RM59.5 bilion (27.5%) adalah daripada pelaburan asing (FDI). Pelaburan domestik yang diluluskan pada tahun 2013 mencerminkan minat berterusan syarikat-syarikat tempatan untuk menerajui Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan memainkan peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi.

Jumlah projek yang diluluskan dijangka menjana kira-kira 192,00 pekerjaan baru, dengan lebih banyak peluang pekerjaan yang diwujudkan dalam bidang pengurusan, penyeliaan dan teknikal yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi kepada rakyat Malaysia. Trend ini mencerminkan bahawa tenaga kerja di negara ini telah dapat mengadaptasi secara positif dengan perubahan ekonomi.

Pelaburan dalam Sektor Perkhidmatan

Kelebihan Malaysia sebagai hab pelaburan yang kompetitif ditambah pula dengan dasar-dasar kerajaan yang mesra perniagaan membantu menarik 4,796 projek yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2013 dengan pelaburan berjumlah RM144.7 bilion, melebihi jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2012 yang berjumlah RM117.6 bilion sebanyak 17.7 peratus.

Pelaburan domestik mendahului dengan pelaburan berjumlah RM125.7 bilion atau 86.9% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Pada masa yang sama, pelaburan asing dalam sektor perkhidmatan meningkat daripada RM12.2 bilion pada tahun 2012 kepada RM19 bilion pada tahun 2013. Ini sebahagiannya adalah disebabkan oleh usaha sinergistik yang berterusan oleh Kerajaan dalam bekerja rapat dengan pembekal perkhidmatan sektor

swasta untuk mewujudkan produk perkhidmatan yang lebih inovatif bagi memenuhi tuntutan ekonomi yang semakin berkembang.

Sektor perkhidmatan merangkumi pelbagai perkhidmatan termasuk pertubuhan serantau; perkhidmatan sokongan; syarikat berstatus MSC; hartanah (perumahan); pengangkutan; tenaga; telekomunikasi; perdagangan pengedaran; hotel dan pelancongan, perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan kesihatan.

Dalam sektor ini, subsektor hartanah sektor terus mendominasi sebagai penyumbang utama dengan nilai pelaburan yang diluluskan berjumlah RM83.3 bilion diikuti oleh sub-sektor tenaga dan utiliti (RM9.1 bilion), hab operasi global (RM7.9 bilion), pengangkutan (RM7.9 bilion) serta hotel dan pelancongan (RM7.0 bilion).

Kerajaan sentiasa melaksanakan usaha yang berterusan untuk meneroka potensi perkhidmatan berintensif pengetahuan, terutamanya sektor yang kurang maju dan sub-sektor di mana Malaysia telah membangunkan kompetensi, dengan memanfaatkan perkhidmatan tempatan untuk mempercepatkan pertumbuhan sektor ini.

Pelaburan dalam Sektor Perkilangan

Sektor perkilangan Malaysia terus berkembang dengan peluang-peluang signifikan selaras dengan transformasi negara dalam menggantikan operasi yang bernilai ditambah rendah dengan aktiviti bernilai ditambah tinggi yang menjanjikan pertumbuhan jangka panjang dan mampan. Pelabur global dan tempatan mendapati Malaysia sebagai lokasi yang ideal untuk aktiviti-aktiviti bernilai ditambah tinggi berikutan asasnyanya yang kukuh, pelbagai yang merangkai berbagai industri .

Pada tahun 2013, sektor perkilangan telah menarik pelaburan bernilai RM52.1 bilion dalam 787 projek iaitu 26.8% lebih daripada RM41.1 bilion yang dicapai pada tahun 2012. Daripada jumlah ini, RM38.1 bilion atau 73.1% adalah projek baru, manakala bakinya merupakan pelaburan semula dalam projek pembesaran atau pelbagaian oleh pelabur yang sedia ada.

Peningkatan pelaburan sektor perkilangan adalah disumbangkan terutamanya oleh pelaburan yang diluluskan dalam projek-projek berintensif modal. Intensiti modal yang diukur berdasarkan nisbah pelaburan bagi setiap pekerja (CIPE) bagi projek yang diluluskan pada tahun 2013 adalah RM560,299. Industri yang mencatatkan nisbah CIPE tertinggi pada tahun 2013 adalah produk petroleum termasuk petrokimia (RM9.4 juta), produk logam asas (RM1.6 juta) dan kimia & produk kimia (RM1.5 juta). Terdapat 14 projek dengan pelaburan yang melebihi RM1 bilion setiap satu. Pelaburan dalam projek-projek ini berjumlah RM24.8 bilion atau 47.6% daripada pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun ini. Kesemua projek ini akan mempunyai kesan berganda kepada sektor perkilangan dan ekonomi, termasuk rangkaian hiliran dan hulu, pembangunan kemahiran dan industri sokongan, pemindahan teknologi baru dan R & D serta penyumberan tempatan.

Pelaburan asing dalam projek-projek perkilangan yang diluluskan berjumlah RM30.5 bilion pada tahun 2013 dan menyumbang 58.5% kepada jumlah pelaburan yang diluluskan bagi tahun berkenaan. Baki RM21.6 bilion atau 41.5 % adalah pelaburan domestik.

Sumber utama pelaburan asing pada tahun 2013 adalah Amerika Syarikat dengan pelaburan berjumlah RM6.3 bilion, diikuti oleh Republik Korea dengan pelaburan sebanyak RM5.5 bilion dan EU (RM5.1 bilion). Lain-lain pelaburan asing yang ketara adalah dari Singapura (RM4.5 bilion) dan Jepun (RM3.6 bilion). Kelima-lima ekonomi ini menyumbang sebanyak 82% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan untuk tahun 2013.

Projek-projek yang diluluskan pada tahun 2013 dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada hampir 93,000 orang, di mana kira-kira 75,000 adalah dalam kategori Pengurusan, Teknikal, Penyeliaan dan Pekerja Mahir. Komposisi guna tenaga dalam kategori Pengurusan, Teknikal, Penyeliaan dan Tenaga Kerja Mahir (MTSS) bagi sektor perkilangan telah meningkat kepada 81.4% pada tahun 2013 berbanding 73.5 % pada tahun 2012, disebabkan oleh permintaan bagi tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Kebanyakan peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah dalam sub-sektor elektrik & elektronik (E & E) , keluaran getah dan kelengkapan pengangkutan.

Kerajaan akan terus mengambil pelbagai langkah dan inisiatif di peringkat persekutuan dan negeri untuk membantu pelabur dalam pelaksanaan projek yang diluluskan. Pertambahan bilangan projek yang diluluskan pada tahun 2013 telah menjadikan jumlah projek perkilangan yang diluluskan daripada tahun 2009 sehingga 2013 menjadi 4,113, di mana 3,124 (76%) telah pun dilaksanakan. Setakat 31 Disember 2013, sejumlah 2,845 daripada projek-projek ini telah memulakan pengeluaran sementara selebihnya masih dalam peringkat pembinaan atau dalam peringkat akhir pemasangan jentera. Sebanyak 77 projek lagi telah memperolehi tapak kilang, manakala 720 projek adalah dalam peringkat perancangan aktif.

Pelaburan dalam Sektor Utama

Sektor utama yang terdiri daripada tiga sub-sektor utama iaitu pertanian, perlombongan, perladangan dan komoditi menyumbang sebanyak RM19.7 bilion kepada pelaburan yang diluluskan pada tahun 2013. Pelaburan ini adalah empat kali nilai yang dilaporkan pada tahun 2012 (RM3.8 bilion). Pelaburan asing dalam sektor utama berjumlah RM10 bilion (50.8%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM9.7 bilion (49.2 %).

Sub-sektor perlombongan mendahului sub-sektor lain dengan pelaburan diluluskan berjumlah RM18.8 bilion dalam 30 projek , terutamanya daripada aktiviti huluan minyak dan gas.

Pelaburan-pelaburan lain dalam sektor utama adalah tertumpu pada sub-sektor pertanian dengan pelaburan berjumlah RM558.8 juta, serta sub- sektor perladangan dan komoditi yang mencatatkan pelaburan bernilai RM330.6 juta.

Maju Dengan Yakin Ke Hadapan

Kekuatan asas Malaysia dijangka akan memastikan negara berada pada haluan yang mantap pada tahun 2014 dan tahun-tahun berikutnya meskipun

keadaan ekonomi global masih penuh dengan ketidakpastian. Prospek pasaran tunggal ASEAN adalah sangat menarik kepada pelbagai jenis perniagaan. Integrasi Ekonomi ASEAN akan memacu pelaburan domestik apabila syarikat perniagaan Malaysia melihat di luar pasaran tempatan mereka manakala pelabur asing bukan-ASEAN akan teruja untuk mengambil kesempatan ke atas peluang yang dihasilkan oleh faktor dinamik ini.

Malaysia telah mewujudkan persekitaran perniagaan yang memberangsangkan untuk syarikat perniagaan membangunkan bidang pertumbuhan khusus dalam tunggal utama perindustrian, seperti minyak dan gas, dan produk E&E . Ini adalah industri-industri di mana Malaysia mempunyai pengalaman, kepakaran dan infrastruktur yang signifikan, dan negara kini berada di kedudukan yang baik untuk mengambil kesempatan daripada ledakan ini.

Perkembangan makroekonomi dan masyarakat global dan serantau kini memberi pelbagai peluang besar kepada Malaysia. Kerajaan akan meneruskan pendekatan ekosistem untuk memanfaatkan peluang-peluang ini dalam menggalakkan pelaburan swasta di dalam negara. Pendekatan ini menggalakkan peluang-peluang pelaburan baru dalam industri yang mempunyai nilai yang tinggi serta membantu bakal pelabur untuk memenuhi keperluan modal insan mereka di sepanjang rantai nilai ekonomi. Di samping itu, tumpuan akan diberikan kepada mengenal pasti dan membantu konglomerat berpotensi tempatan dan pemain industri yang lain untuk menjadi penggerak utama dalam ekosistem.

Pelbagai langkah yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk memudahkan perniagaan telah meningkatkan kedudukan Malaysia dalam berbagai tanda aras perniagaan antarabangsa dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Laporan Bank Dunia Edisi 2014 telah meletakkan Malaysia sebagai negara ke-6 yang paling mesra perniagaan di dunia, mendahului United Kingdom (ke-10), Jerman (21) dan Switzerland (29). Ini adalah kali pertama Malaysia telah memecah kedudukan sepuluh teratas sejak Bank Dunia dan Perbadanan Kewangan Antarabangsa mula menyusun kedudukan tahunan pada tahun 2005. Malaysia juga dipilih sebagai negara ke-24 paling kompetitif di dunia oleh Forum Ekonomi Dunia dalam Laporan Daya Saing Global 2012-2013,

yang turut mengiktiraf perkembangan negara daripada ekonomi yang dipacu oleh kecekapan kepada ekonomi yang didorong oleh inovasi. Prestasi hebat Malaysia dalam kedudukan-kedudukan ini adalah bukti pencapaian, dan akan menjana pelaburan ke negara ini pada tahun 2014.